

Media Title : Daily Express
Headline : 22 kes Macau Scam babit RM1.9 juta kerugian di Ranau
Date : 31 March 2023
Section : Tempatan
Page : 3



22 kes Macau Scam babit RM1.9 juta kerugian di Ranau

Clarence Dol

RANAU: Sebanyak 22 kes Macau Scam membabitkan penduduk Ranau mencatatkan kerugian kira-kira RM1.9 juta sehingga awal tahun ini.

Pegawai Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau, Insp Murugan A/L Doraiya berkata, kebanyakan mereka terpedaya menerusi penipuan dalam talian seperti Pinjaman Tiada, Penipuan Pelaburan dan pelbagai lagi.

“Jadi jangan mudah terpedaya dengan pujuk rayu yang menawarkan pulangan lumayan dan segera, siasat dahulu jika ditawarkan sesuatu,” katanya.

Murugan berkata demikian ketika menyampaikan taklimat mengenai Macau Scam pada program Sembang Santai anjuran Jabatan Penerangan Daerah Ranau (JaPen), baru-baru ini.

“Sekiranya anda mempunyai sebarang masalah atau aduan, anda boleh menghubungi 997 untuk maklumat lanjut,” tambah Murugan.

Seramai 45 orang menyertai program itu di Bilik Mesyuarat JaPen Ranau yang dihadiri kakitangan jabatan dan agensi kerajaan, pesara, ahli perniagaan, JPKK dan ketua masyarakat setempat. Sempena program yang julung kali diadakan itu, selain taklimat ‘Jenayah Scam’, turut diadakan taklimat ‘Civil Malaysia’, oleh Pegawai Penerangan Daerah Ranau, Kenny Thomas.

Program diteruskan dengan perasmian pelancaran Kumpulan Whatsapp Sahabat JaPen Ranau, disempurnakan oleh Pegawai Daerah Ranau, Jumain Abd.Ghani.

Dalam ucapan ringkas Jumain, beliau berharap rakan-rakan JaPen dapat mengakses maklumat sahih daripada sumber sahih melalui whatsapp.

“Melalui Rakan JaPen, kita boleh mengetahui maklumat yang sahih dan terkini dengan mudah,” jelasnya. Jumain memuji inisiatif JaPen Ranau yang menganjurkan taklimat mengenai kemudahan yang sangat penting untuk mendapatkan maklumat terkini dan sahih itu.